

Curated For The New Ummah

#EnsiklopediaKhususBuatFashionistaBerhijab



STAILO/SOPAN THE NEW UMMAH'S REMOUSTA BERHJABING
hijabista
LITAN

www.facebook.com/hijabistamagazine

[@hijabistamag](https://www.instagram.com/hijabistamag)

www.hijabista.com.my



Glamor Raya
CHE WAN SISTERS

POPULARITI ROZITA CHE WAN DAN AYU RAUDHAH SUDAH TIDAK PERLU DIPERTIKAIKAN LAGI. NAMUN KEHADIRAN ADIK-BERADIKNYA YANG JELITA RAHIMAH, RUBYTAH DAN DATIN ROHAIZA JUGA SERING MENCURI TUMPUAN. BUKAN MUDAH MENGUMPULKAN ADIK-BERADIK JELITA INI LANTARAN KOMITMEN HIDUP MADING-MADING. TIMBUL RASA TERUJA APABILA ROZITA MEWAKILI ADIK-BERADIKNYA YANG MEMUTUSKAN KATA SETUJU.

Family

Azan maghrib sayup berkumandang menandakan hari kemenangan sudah tiba selepas sebulan mendidik nafsu, menahan lapar dan dahaga serta daripada segala perkara yang membatalkan puasa. Lebaran yang menjadi cermin kehidupan harmoni seluruh umat Islam aminya dan hubungan silaturahmi ahli keluarga khususnya. Kemeriahan lebaran semakin terasa andai segala kelengkapan menyambut kehadiran Syawal sudah terselesa dengan rapi.

Beruntung buat mereka yang mempunyai keluarga besar kerana riuh rendah di malam raya bagai suatu momen yang dinanti. Momen indah yang tercipta menjadi lipatan sejarah untuk dikenang sampai bila-bila. Menurut kakak sulung kepada Rozita Che Wan ini, kehadiran 1 Syawal yang dinanti sudah pasti untuk berkumpul adik-beradik seramai tujuh orang. Bukan mudah untuk berkumpul sekali ditambah pula dengan kehadiran anak-anak yang dikasihi.

Sebagai kakak sulung, Rahimah Che Wan, gembira apabila melihat adik-adiknya yang membesar di depan mata datang berkumpul di kediaman ibunda tercinta. Walaupun semua sudah berkahwin tetapi tidak pernah culas untuk pulang di hari raya. "Setiap tahun apabila tiba hari raya kami semua adik-beradik bersama anak masing-masing akan pulang ke Alor Star untuk menyambut raya bersama mak.

Walaupun adik-adik ada yang berkahwin dengan orang jauh tetapi mereka tetap pulang beraya pada hari kedua di rumah mak. Cuma kemeriahan malam raya seperti sebelum semua berkahwin dahulu hanya berlaku apabila tiba giliran beraya di Kedah. Sudah dua tahun kami adik-beradik tidak berkumpul di malam raya, namun alhamdulillah tahun ini tiba giliran menyambut Syawal bersama-sama. Riuh-rendah di malam raya usah cakap, masing-masing hendak bercerita dan selalunya kami lambat tidur di malam raya," bicara wanita yang berusia 46 tahun ini.

Sudah terbayang di ruang mata bagaimana suasana tercipta apabila adik-beradik ini berkumpul. Saat sesi fotografi ini berlangsung sudah menjawab gambaran suasana yang bakal tercipta. "Selalunya Rozita yang akan jadi tukang cerita, saya lebih banyak mendengar daripada bercerita. Seronok mendengar cerita masing-masing. Biasanya bicara kami lebih kepada kisah kehidupan kami yang telah berkeluarga.

Kami berbicara tentang suami, anak-anak dan perasaan masing-masing. Ada masanya kita perlu bercerita untuk meluahkan isi hati yang tersimpan atau terbuka dalam hati. Sekurang-kurangnya kita tahu dengan siapa kita bercerita dan apabila sudah luahkan segala-galanya macam hilang segala stres yang ada. Setiap kali usai berjumpa adik-adik memang

semua akan gembira umpama segala masalah telah hilang," terang Rahimah yang sudah menyediakan duit raya untuk anak-anak saudara tersayang.

TRADISI KELUARGA

Setiap keluarga mempunyai cara tersendiri untuk menyambut Syawal. Begitu juga dengan keluarga adik-beradik jelita ini. Menurut Rahimah, tradisi keluarga yang masih dipertahankan adalah balik kampung. "Masa kecil-kecil sampai sekarang setiap pagi raya semua akan bersiap cantik-cantik pakai baju baru, kemudian makan bersama-sama. Seterusnya kami pergi berkunjung ke rumah saudara-mara yang sudah lama tidak berjumpa. Raya kedua pun bersiap cantik-cantik dengan baju baru walaupun seharian duduk dekat rumah sahaja. Biasanya hari raya kedua kami akan terima kunjungan saudara-mara pula dan raya ketiga kami buat open house di rumah mak," ujar wanita yang lemah-lembut ini.

Mengimbu kenangan berpuasa ketika masih kecil dahulu, tutur Rahimah mesra, "Bulan Ramadan keluarga kami sama seperti keluarga yang lain. Namun, nostalgia yang masih segar dalam ingatan adalah bila bulan puasa mak akan suruh kita hantar kuih ke setiap rumah jiran. Mak akan buat satu atau dua jenis kuih sahaja. Tetapi yang seronoknya bila tiba masa berbuka ada banyak kuih-muih pemberian daripada jiran-jiran yang kita hantar kuih. Menurut kata orang-orang tua, budaya membalas pinggan. Apabila tiba masa untuk bersahur pula, Rozita adalah orang yang paling senang untuk bangun. Adik-adik yang lain punya liat nak bangun sahur termasuk saya adalah yang paling akhir bangun sahur," ungkap Rahimah sambil tertawa.

Ketika diajukan tentang peranan seorang kakak yang tersangar dibahunya sementelah mempunyai adik-adik yang cantik dan terkenal, kata Rahimah lembut, "Sebagai kakak sulung, alhamdulillah, bersyukur punya adik-adik yang cantik dan terkenal malah sentiasa menyokong segala apa yang mereka ceburi and I am happy for them. Sebagai kakak kepada Rozita Che Wan pula, saya sangat berbangga dan gembira untuk dirinya. Bukan senang untuk dia membina nama sehingga dikenali ke hari ini. Lebih-lebih lagi kami berasal daripada keluarga yang susah. Bapa meninggal ketika kami masih kecil, mak dan nenek yang menjaga dan membesarkan kami adik-beradik.

Rozita seorang yang sangat bersemangat, rajin, mempunyai azam yang besar, disiplin diri yang tinggi dan sentiasa bekerja keras untuk mencapai keinginannya. Rozita yang paling banyak membantu keluarga kerana dia seorang yang sangat-sangat pemurah dan baik hati. Malah daripada sebelum saya kahwin hingga saya sudah pun berkahwin, dia masih lagi belikan baju-baju raya untuk saya dan anak saya. Bercuti ke mana sahaja pun dia tidak pernah lupa belikan buah tangan untuk kami semua. Appreciate sangat dia punya ingatan terhadap keluarga besar kami," ujar Rahimah mengakhiri perbualan kami.

"SEBAGAI

KAKAK SULUNG,

ALHAMDULILLAH,

BERSYUKUR PUNYAI

ADIK-ADIK YANG

CANTIK & TERKENAL

MALAH SENTIASA

MENYOKONG SEGALA

APA YANG MEREKA

CEBURI AND I AM

HAPPY FOR THEM."

-RAHMAH





Che Ta Che Wan

"ANTARA HOBI

YANG SERING

DIKONGSI

ADALAH

BERSOLEK

BERSAMA-SAMA.

KALAU ORANG

TENGOK MACAM

PERTANDINGAN

SOLEKAN, KAMI

ADIK-BERADIK."

Selebriti tinggi lampai ini tidak perlu diperkenalkan lagi. Ke mana sahaja kaki melangkah kelibatnya pasti mencuri tumpuan dengan penampilan yang serba cantik dari hujung rambut sehingga hujung kaki. Tentu ramai yang mengatakan sukar untuk menjadi pelakon dan usahawan terkenal, Rozita Che Wan atau lebih mesra disapa Che Ta ini. Menurut ibu kepada Aaisyah Dhia Rana ini, sebenarnya tidak sukar untuk menjadi dirinya kerana sudah terbiasa sejak dahulu lagi suka berdandan dan gemar penampilan cantik lain daripada yang lain.

Menjelang perayaan tahun lalu nama Che Ta telah menjadi viral tetelan bilangan baju rayanya yang dikatakan sebanyak 98 pasang. Tak terfikir bagaimana agaknya wanita yang mudah mesra ini menghabiskan jumlah baju raya yang banyak itu dalam masa 30 hari. "Memang tahun lepas baju raya saya sebanyak itu kerana telah dilantik menjadi duta Minaz Blooming Raya 2017. Namun, itu adalah kisah tahun lalu. Tahun ini saya kembali seperti tahun-tahun yang sebelumnya.

Sebagai seorang wanita, isteri dan juga ibu sudah semestilah tanggungjawab merancang perbelanjaan terletak di tangan kita. Saya biasanya akan memperuntukkan sebahagian bajet untuk sambutan raya setiap tahun. Biasanya peruntukan bajet raya saya hanya untuk kuih raya dan aiat raya sahaja. Macam baju raya, memang tak boleh ikut bajet kerana biasanya akan beli bila mata dah berkenan. Saya akan menyediakan baju raya untuk diri sendiri, suami dan anak-anak.

Walaupun begitu saya jenis wanita yang suka membuat persiapan lebih awal. Segala persiapan raya saya akan buat sebelum menyambut bulan Ramadan lagi. Saya tidak suka membuat persiapan *last minute* dan merancang dengan rapi segala persiapan terutama baju raya untuk kami sekeluarga. Ketika bulan puasa saya hanya akan memepah kek dan kuih raya sahaja.

Bagi duit raya pula biasanya saya akan memperuntukkan wang sebanyak RM3000 untuk mengisgi 30ampul duit raya. Maklumlah anak

saudara saya ramai, itu pun seorang saya bagi RM100. Ikut hati memang nak tambah jumlah duit raya tapi tiaptiap tahun bilangan anak-anak buah akan bertambah. So tak jadi lah, *maintain* setakat itu sahaja. Ada juga peruntukan duit raya untuk anak-anak sendiri dan juga mak tersayang.

Saya jarang memperuntukkan bajet untuk perbelanjaan rumah ketika menyambut Syawal. Boleh dikatakan saya jarang menyambut raya di rumah jadi kelengkapan rumah tidak berubah, macam itu sahaja. Mungkin tahun ini saya akan buat *open house* tetapi bukan di rumah, mungkin saya akan membuat *open house* di hotel," tutur isteri kepada pelakon Oh My English, Zain Saidin ini.

Mempunyai keluarga yang besar tentu mempunyai impak terutama apabila masing-masing sudah berkahwin dengan pilihan hati. Jika ketika bujang semua boleh berkumpul semua sekali namun, apabila sudah mendirikan rumah tangga tentu sukar untuk berkumpul di hari raya. "Keluarga kami tidak begitu. Walaupun masing-masing sudah berkahwin dan mempunyai keluarga mentua kami tetap balik beraya ke kediaman ibu di Alor Star.

Dalam tujuh orang adik beradik, hanya saya, Kak Rahimah dan Ayu sahaja yang berkahwin dengan orang jauh. Adik-beradik yang lain semua berkahwin dengan orang Kedah. Jadi macam Jaja dan Ruby memang tiaptiap tahun mereka akan pulang ke Alor Star sebab mak mentua mereka orang sana.


Biasanya apa yang adik-beradik saya praktik apabila tiba giliran beraya bersama keluarga suami, hari raya kedua kami akan balik ke Alor Star dan kami adik-beradik akan berkumpul bersama-sama. Memang setiap tahun begitu, jadi tiada istilah tak balik kampung. Mak pun tak kisah dan beliau dah faham apabila anak-anak yang sudah berkahwin dan mempunyai giliran beraya di rumah mak mentua terlebih dahulu," tereng Che Ta yang memilih warna hijau untuk tema baju raya keluarga Che Wan tahun ini.

NOSTALGIA RAYA

Seronok melihat kelima-lima adik-beradik ini begitu akrab dan saling memerlukan. "Adik-beradik saya tujuh orang, kami lima orang perempuan dan dua lagi lelaki. Perbezaan umur yang tidak begitu ketara membuat hubungan kami begitu akrab. Antara hobi yang sering dikongsi adalah bersolek bersama-sama. Kalau orang tengok macam pertandingan solekan, kami adik-beradik.

Lepas itu kami adik-beradik suka jahit manik untuk baju raya. Dahulu sebelum masing-masing kahwin selepas buka puasa dan selepas terawih, tiga minggu pertama memang masa untuk jahit manik di atas baju masing-masing. Lepas tu pilih,

baju siapa yang paling cantik. Seminggu yang terakhir itu kami akan sibuk buat kuih raya ramai-ramai. Saya rasa itu adalah aktiviti yang saya paling *miss the most*. Pengalaman yang tidak dapat dilupakan ketika menyambut Syawal bersama adik-beradik apabila suatu pagi raya itu, kakak saya gosok baju anak dia terkoyak habis lenggannya. Ayu pula hantar baju pergi *dry clean* dan apabila nak pakai tengok-tengok seluar suaminya. Zaquan dah jadi pendek sampai ke lutut. Pagi itu riuh rendah rumah mak, kalau difikirkan kembali kelakar pun ada," bicara Che Ta sambil tertawa.



Menurut pelakon drama Kiah Pekasam ini, tradisi ketika menyambut Aidilfitri yang masih diamalkan sejak kecil sehingga kini adalah bersalam-salaman dengan seluruh ahli keluarga sambil menghulurkan duit raya. "Makanan yang wajib ada ketika beraya bersama keluarga sudah semestinya ketupat daun palas sebab ketupat ini kalau bukan hari raya susah nak dapat. Ada juga orang jual ketupat palas ini tetapi, tak sedap. Mak memang akan buat ketupat palas makan dengan gulai daging. Macam keluarga kami orang Alor Star suka makan ketupat palas dengan susu pekat. Itu memang makanan wajib setiap kali Syawal," ujar Che Ta yang telah diangkat menjadi Ikon Kedah 2018 baru-baru ini di Alor Star, Kedah.


Sudah menjadi trend masyarakat bandar kini menyambut Syawal di luar negara. Apabila diajukan situasi beraya di negara orang, tentunya, "Bagi saya tidak ada masalah sebenarnya kalau beraya di luar negara. Kalau sudah tiada-tiada tahun beraya di Malaysia mungkin sekali-sekala teringin beraya di luar negara untuk suatu kelainan atau perubahan.

SAYA TAHU APA YANG
AYA BUAT JADI, KALAU
APA KOMEN DARIPADA
NETIZEN ITU TAK BETUL
YA AKAN BUAT TAK TAHU
SAHAJA." - CHE TA

Jadi, apabila sudah menempuh pengalaman begitu baharu kita boleh bezakan seronok atau tidak beraya di luar negara. Tapi *so far* saya tak pernah menyambut Aidilfitri di luar negara, menyambut Aidiladha di Sydney saya pernah. Memang tak meriah menyambut raya di sana macam di sini, tapi saya okay sahaja," ungkap wanita yang pernah bertugas sebagai pramugari ini.

Sebagai selebriti terkenal pula adakah penting untuk menjaga imej ketika menghadiri rumah terbuka? "Kalau menghadiri majlis rumah terbuka saya mesti pakai baju yang paling glamor sebab kan raya. Kalau raya saya memang jenis yang *all out*. Saya akan pakai baju yang paling meletup macam nak pergi majlis anugerah. So kalau pergi *open house* bergantung lar. Kalau *open house* tu buat kat rumah mungkin pakai biasa-biasa aja. Tapi kalau *open house* tu kat hotel kita pakai lah meletup sikit," kata ibu kepada Ammar Effendy dan Aniq Ezzra ini.

Jika bersebang dengan Che Ta pasti soalan berkisar tentang kritikan netizen menjadi topik perbualan. Nyata Che Ta sentiasa positif apabila berbicara tentang kritikan netizen. "Saya tahu apa yang saya buat jadi, kalau apa komen daripada netizen itu tak betul saya akan buat tak tahu sahaja. Tetapi kadang-kadang komen daripada netizen itu ada juga baiknya. Mana yang positif kita ambil mana yang negatif kita buang jauh-jauh," terang Che Ta yang mempunyai seramai 3.6 juta pengikut di laman Instagram.





Rubytah Che Wan

Memang wanita ini tidak seperti kakaknya, Rozita Che Wan dan adik perempuannya, Ayu Raudhah yang terjun dalam dunia seni. Namun, apabila Rubytah Che Wan ini mengahwini pelawak popular Lan Pet sedikit sebanyak limpahan lampu glamor menjerus kepadanya. Kebahagiaan pasangan ini jelas terpancar apabila melihat Lan Pet sering mengusik isterinya yang turut hadir ketika penggambaran sedang berlangsung.

"Memang orang akan melihat ke mana sahaja kami berdua kerana saya turut menjadi *Manager* kepada suami. Saya menguruskan perjalanan seni Lan Pet sebab itu orang akan melihat ke mana sahaja Lan pergi, saya akan turut serta. Sepertinya bulan Ramadan dan Syawal tahun ini, jadual Lan agak ketat kerana banyak program dan acara yang melibatkannya sebagai pengacara majlis dan membuat penampilan istimewa.

Bagi saya kehadiran bulan puasa bagi suatu yang dinanti. Peluang meraih keberkatan amalan yang dijanjikan pahala berlipat kali ganda bagai ditunggu-tunggu oleh setiap umat Islam. Namun, saya tiada persiapan yang ketara menempuh Ramadan kerana sudah membiasakan diri dengan amalan berpuasa di bulan Syaaban dan Rejab. Apabila, sudah terbiasa berpuasa jadi tiada lagi istilah penat atau perut meragam. Cuma ketika bulan Ramadan ditambah istimewanya, dengan adanya amalan salat sunat terawih," tutur anak ketiga daripada tujuh orang adik-beradik ini.

Melihat penampilan Muslimah sejati yang tersarung di tubuhnya, tertanya-tanya bagaimana wanita yang mesra di sapa Ruby ini melakukan penghijrahan. "Saya melakukan transformasi diri dengan melabuhkan sedikit tudung selepas pulang daripada mengerjakan haji tahun lalu. Perubahan ini berlaku apabila saya terfikir sudah beberapa kali mengerjakan umrah namun apabila tiba masa mahu meninggalkan tanah suci timbul rasa tidak seronok.

Apabila saya berada di tanah suci dan kembali ke Malaysia umpama berada dalam dua dunia yang berbeza. Sepatutnya ke mana sahaja kita berada amalan dan pakaian kita adalah sama. Oleh itu sejurus pulang daripada mengerjakan haji tahun lalu saya nekad untuk mengubah penampilan. Penghijrahan ini bukan untuk menunjuk alim dan sebagainya tetapi mahu menyarung pakaian yang boleh di bawa salat tidak kira masa dan tidak kira tempat," terang ibu kepada empat orang anak ini.

Tambah wanita yang mudah mesra ini, setiap kali menemani suami menghadiri majlis tertentu ramai wanita yang bertanya tentang pakaian yang tersarung di tubuhnya. "Memang baju dan tudung yang saya pakai sekarang tidak ada dijual di mana-mana. Rekaannya saya buat sendiri dan jahit sendiri. Dahulu saya memang tidak suka menjahit dan hanya tahu mereka pakaian sahaja. Akibat takut tukang jahit tidak faham keinginan saya justeru saya jahit sendiri. Benar kata orang jika kita buat sesuatu dengan bersungguh-sungguh pasti akan berjaya," bicara Ruby yang belum terfikir untuk memasarkan baju rekaannya itu.

Menurut Ruby persediaan baju raya tahun ini berbeza sedikit daripada tahun-tahun yang sebelumnya. Baju raya tetap ada tetapi lebih sederhana dan yang penting adalah keselesaan ketika memakainya.

**"SAYA
MELAKUKAN
TRANSFORMASI
DIRI DENGAN
MELABUHKAN SEDIKIT
TUDUNG SELEPAS PULANG
DARIPADA MENERJAKAN
HAJI TAHUN LALU." - RUBY**

KEMERIAHAN SYAWAL

Ruby beruntung kerana berkahwin dengan orang satu negeri. Oleh itu, setiap tahun pasangan ini akan menyambut kehadiran Syawal di negeri Jelapang Padi. "Memang benar setiap tahun saya akan balik Kedah. Kedua-dua mak dan mak mentua ada di sana. Cuma setiap tahun saya akan beraya di rumah Lan terlebih dahulu dan selepas salat sunat Aidilfitri baharu saya akan pulang ke rumah mak di Alor Setar.

"Juadah hari raya biasanya mak mentua yang akan sediakan segala-galanya. Walaupun mak mentua sudah berusia tetapi dia masih kuat lagi. Mak mentua jenis yang suka masak dan tak bagi orang lain masuk dapurnya. Antara hidangan istimewa air tangan mak mentua sudah pasti ketupat dan gulai daging. Manakala laksa pula menjadi hidangan kegemaran anak bongsu dan satu-satunya lelaki iaitu Lan Pet," gurau Ruby kepada suaminya yang dikenali sejak di bangku sekolah lagi.

Di samping menguruskan perjalanan seni suaminya, Ruby juga sibuk menguruskan syarikatnya, RCW Beauty Empire yang terkenal dengan produk Lotion Putih Ajaib. Bercerita tentang perniagaan yang berasaskan kecantikan yang terlalu banyak persaingan kini, Ruby positif memandang setiap cabaran. "Memang sekarang semua orang mahu berniaga. Ada yang berhenti kerja untuk membuka perniagaan berasaskan kosmetik dan ada juga dahulu yang bergelar agen atau stockist yang sudah membina jenama sendiri.

Bagi saya semua itu adalah persaingan yang sihat dalam perniagaan. Namun, apa yang saya utamakan adalah kualiti produk saya. Melalui penyelidikan dan pembangunan yang teliti produk tersebut baharu kita boleh mendapat kualiti yang terbaik. Sebagai pengguna pula mereka perlu berhati-hati memilih produk yang terbaik untuk kulit mereka," ungkap bekas perancang kewangan ini.



Datin Jaja

"PEMAKANAN

SANGAT

PENTING KETIKA

BERPANTANG,

SAYA CUMA

AMALKAN MAKAN

NASI PANAS DAN

HALBA SERTA

ULAM."

Kelibat wanita tinggi lampaui ini mencuri tumpuan takala hadir untuk sesi fotografi edisi istimewa Aidilfitri kali ini. Pertama kali bersua muka dengan wajah jelita persis kakak kesayangannya Rozita Che Wan ini telah membuat mata tidak berhenti memandang. Lebih-lebih lagi apabila mengetahui mempunyai lima orang anak yang

masih kecil. Datin Rohaiza Che Wan atau mesra di sapa Datin Jaja ini tidak lokek berkongsi rahsia-kecantikannya.

"Sebenarnya saya tidak mempunyai rahsia kecantikan yang khusus. Namun, apa yang boleh saya kongsi adalah amalan ketika berpantang selepas melahirkan anak. Saya jenis seorang yang kuat berpantang selepas melahirkan anak. Lebih-lebih lagi apabila jarak umur anak-anak saya sangat rapat. Oleh itu penjagaan amalan berpantang sangat penting.

Saya mahu kelihatan cantik dan bertenaga seperti mak. Saya patuh semua pantang larang yang mak ajar ketika berpantang. Pemakanan sangat penting ketika berpantang, saya cuma amalkan makan nasi panas dan halba serta ulam. Di samping itu saya juga banyak makan pegawai untuk memperbanyakkan aliran susu sebab saya menyusukan anak secara eksklusif selama dua tahun. Mungkin menyusukan anak ini merupakan 'perancang keluarga' saya, sementelah saya tidak mengamalkan apaapa jenis perancang keluarga.

Jika ada yang bertanya bagaimana saya menguruskan masa dengan mempunyai anak-anak yang masih kecil, bagi saya tiada sebarang cabaran. Ini kerana apabila umur mereka rapat, rutin harian saya tidak berubah. Sejak melahirkan anak pertama sehingga anak kelima saya sudah terbiasa untuk bangun malam menyusukan anak atau menukar lampin mereka. Bagi saya cabaran datang apabila kita sudah lama tidak mempunyai anak kecil dan sudah terbiasa tidak bangun malam untuk menyusukan anak tetapi tiba-tiba mempunyai anak baru lahir. Ketika itu rutin harian sudah lari dan pasti menimbulkan masalah.

Jika diizinkan Allah SWT saya mahu mendapat seorang anak lagi dan kalau boleh kali ini saya mahu anak lelaki untuk menjadi kawan kepada Fareez," tutur ibu kepada Nur Fa'iqah Faiza Muhammad Faizal, 9 tahun, Nur Fa'izah Faiza Muhammad Faizal, 7 tahun, Muhammad Fareez Faiza Muhammad Faizal, 5 tahun, Nur Fareeqah Faiza Muhammad Faizal, 4 tahun dan Nur Fareeda Faiza Muhammad Faizal 2 tahun, ini.

Menyikap tentang persiapan hari raya Datin Jaja yang mempunyai anak-anak masih kecil, ucapnya... "Walaupun anak-anak masih kecil bagi saya semua tidak menjadi masalah. Biasanya saya sudah menyediakan segala-gala kelengkapan raya sebelum menjelang bulan Ramadan lagi. Persiapan *last minute* akan membuat kita sering tersasar daripada keperluan wajib hari raya.

Sebelum puasa saya sudah menyediakan 3 pasang baju untuk setiap anak-anak. Lagi pun bulan Ramadan saya sangat sibuk untuk menyediakan jadah berbuka puasa. Biasanya tiap-tiap tahun sejak berkahwin suami akan mengadakan majlis berbuka puasa di rumah. Suami akan menjemput rakan sekerja, rakan-rakan, anak-anak hafiz dan tetamu yang lain untuk berbuka puasa di rumah daripada hari Isnin hingga Jumaat selama sebulan. Selepas berbuka kami akan menunaikan solat maghrib, isyak dan terawih bersama-sama.

Saya akan masak sendiri setiap jadah berbuka dan rasa seronok apabila melihat semua tetamu datang dapat berbuka puasa dengan air tangan sendiri. Hanya Sabtu dan Ahad sahaja masa untuk saya berbuka puasa dengan keluarga dan adik-beradik yang lain," bicara isteri kepada Datuk Haji Muhammad Faizal Haji Zainul ini penuh ceria.

SELAGAT MALAM RAYA

Kenangan malam raya adalah antara kenangan yang diperkatakan oleh kelima-lima adik-beradik jelita ini. "Semasa kami semua belum berkahwin dahulu, kenangan malam raya adalah suatu yang sukar dilupakan. Masing-masing sudah ditetapkan tugas, saya dan Che Ta biasanya akan ditugaskan untuk menghias rumah. Pagi raya pula kami akan menyusun kuih raya di atas meja.

Paling istimewa apabila setiap kali tiba pagi raya, kami adik-beradik akan bergaya sakan ibarat sebuah *fashion show*. Masing-masing tidak mahu kalah dalam bergaya dengan taburan labuci dan manik yang dihelit sendiri di atas baju raya. Momen begini sangat indah untuk dikenang. Usai mengerjakan solat sunat Aidilfitri kami semua akan bersalam-salaman dan bermalam-malam bersama adik-beradik dan mak," ujar Datin Jaja yang pernah menjadi pramugari dan model sambilan suatu ketika dahulu.

Datin Jaja juga beruntung kerana berkahwin dengan orang satu negeri. Oleh itu tiada istilah berbalah untuk balik kampung beraya. Namun wanita yang pandai bergaya ini sudah serik untuk balik kampung dekat-dekat nak raya. "Saya memang sudah serik untuk balik kampung dekat-dekat hari nak raya kerana pernah terkena melekat di atas jalan raya lebih daripada 10 jam. Tambah pula anak-anak masih kecil, memang huru-hara jadinya. Setiap tahun kami akan pulang awal ke kampung dan mengambil peluang berbuka bersama-sama mak dan mak mentua," jelas Datin Jaja sambil membetulkan kedudukan selendangnya.





Raudhah Che Wan

"MELALUI UJIAN

SEBEGINI BAHARU KITA

SEDAR APA YANG KITA

ADA SEMUA PINJAMAN

SEMATA-MATA."

Aktres terkenal dan juga adik kepada selebriti popular Rozita Che Wan tidak hadir dalam dunia seni berlandaskan rupa paras semata-mata. Walaupun di awal kemunculan Raudhah Che Wan atau lebih popular disapa Ayu Raudhah dibayangi kelibat kakak tersayanginya namun, sedikit demi sedikit bakat semula jadi yang mengilir dalam dirinya telah diterima oleh pencinta seni tempatan. Berbekalkan rupa paras yang cantik dan bakat membuat Ayu masih mendapat tawaran berlakon sehingga kini.

"Memang Ayu dah lama berhenti berlakon sejak mengandungkan anak dahulu. Lebih kurang dah dua tahun Ayu tak berlakon. Dalam pada dua tahun itu, alhamdulillah tetap masih ada tawaran berlakon tetapi terpaksa menolaknya dengan baik kerana tidak boleh meninggalkan anak terlalu lama. Namun, baru-baru ini Ayu terbuka pintu hati untuk menerima tawaran berlakon Cinta Bukan Kristal, slot drama Akasia untuk tayangan di hari raya nanti. Dalam drama ini, Ayu turut berganding dengan pelakon hebat Ayda Jebat dan Sharnaz Ahmad," ujar Ayu yang telah membuat *come back* dengan berlakon semula.

Kelihatan Ayu ceria bercerita tentang kehadiran Puteri sulungnya, Laura Zuleykha yang dinanti selama ini. Wajah manis anak ketiganya ini persis Ayu yang sentiasa tersenyum telah menyerikan kehidupan bersama pemain bola sepak Zaquan Adha di samping dua orang abangnya, Muhammad Aisy Qaiser dan Muhammad Aisy Aryanin. Namun, Ayu sedikit terkilan kerana tidak mampu menyusunkan puterinya secara eksklusif.

"Memang saya tidak dapat menyusunkan Laura secara eksklusif lagi lantaran saya terlanjur sakit tempoh hari akibat apendiks. "Mula-mula saya sendiri tak tahu ada apendiks kerana selama ini saya tak pernah sakit perut yang luar biasa. Tiba-tiba saya sakit perut sehingga nak bernafas pun tidak mampu. Ingatkan saya mengandungi lagi kerana rasa loya dan nak muntah. Kemudian saya muntah sehingga keluar air hijau.

Suami ajak pergi klinik dan apabila sampai klinik doktor hanya bagi ubat angin sahaja. Tapi saya tetap rasa tak selesa. Lepas suami balik daripada *training*, dia ajak pergi ke hospital dan akhirnya saya terus ditahan. Rupa-rupanya apendiks saya sudah pecah tanpa disedari. Lepas pembedahan apendiks biasanya dalam dua hari sudah elok. Tapi saya masih rasa sakit. Bila doktor buat pemeriksaan nyata saya demam. So bila demam ada *something wrong*. Apabila buat ujian darah dan xray semula terdapat infeksi di paru-paru. Ketika itu saya

bagaiakan di ambang maut. Terasa betapa kerdilnya kita di sisi Allah SWT. Bila-bila masa Allah SWT boleh ambil apa yang ada pada kita dan kita tak mampu nak berbuat apa-apa. Melalui ujian sebegini baharu kita sedar apa yang kita ada semua pinjaman semata-mata. Rasa syukur sangat selepas kembali sihat," terang Ayu tentang pengalamannya selama 11 hari ditahan di wad hospital.

RIANG SYAWAL

Ternyata tahun ini Ayu begitu teruja menyambut Syawal kerana beraya di rumah baru. "Saya begitu teruja beraya tahun ini kerana beraya di rumah baru di Seremban. Biasanya tahun-tahun sebelum ini saya sibuk menyediakan kelengkapan raya seperti baju raya dan kuih raya sahaja. Namun, tahun ini tugas saya sedikit berbeza apabila perlu menyiapkan dekorasi kediaman yang baharu diduduki.

Saya gemarkan gaya dekoisasi moden glam atau klasik yang gelap dan cosy. Alhamdulillah saya mempunyai cita rasa yang sama dengan Zaquan. Biasanya jika ada masa terluang kami berdua akan keluar bersama-sama untuk membeli barang kelengkapan rumah. Zaquan ini jenis orang yang suka duduk di rumah oleh itu saya perlu pastikan dekorasi rumah umpama kawasan rehat yang selesa untuk dihindangi," terang Ayu tentang perbezaan lebaran tahun ini.

Keterujaan Ayu menyambut Syawal kali ini semakin membara apabila tiba gilirannya untuk menyambut Syawal di Alor Star. "Memang tiap-tiap tahun saya tidak pernah *miss* beraya bersama keluarga di Kedah pada hari raya kedua. Tahun ini saya akan pulang menyambut Syawal bersama adik-beradik yang lain di Kedah. Pada tahun ini semua adik-beradik akan pulang awal menyambut Aidilfitri bersama-sama.

Apabila berkumpul semua begini memang suasana rumah mak akan jadi riuh tendah. Cuba bayangkan kami tujuh beradik dicampurkan pula dengan mak dan tok di rumah. Ditambah pula dengan pasangan masing-masing dan juga anak-anak. Memang macam-macam cerita yang akan keluar. Kami juga suka mengenakan warna tema setiap pagi Syawal. "Tahun ini Che Ta telah menetapkan warna *olive green* sebagai warna tema," bicara Ayu penuh ceria.

Ayu bukan sahaja dilahirkan dengan rupa paras yang cantik malah cekap memasak di dapur. Lebih istimewa apabila selebriti ini cekap memasak untuk bilangan yang ramai. "Biasanya kami akan bergotong royong masak. Makanan wajib ketika menyambut Syawal di Kedah sudah semestinya gulai daging dan nasi daging," ujar Ayu mengakhiri perbualan. ■